

# PAPARAN MENGENAI HARTA TIDAK PATUH SYARIAH DI LAMAN SESAWANG RASMI MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI (MAIN) DAPAT MENINGKATKAN KUALITI INSTITUSI BAITULMAL DI MALAYSIA

***DISPLAY OF PROPERTY NOT COMPLIANT WITH SHARIAH ON THE OFFICIAL WEBSITE OF THE STATE ISLAMIC COUNCIL (MAIN) CAN IMPROVE THE QUALITY OF BAITULMAL INSTITUTIONS IN MALAYSIA***

Nurul Athirah Mohd Azmi<sup>1\*</sup>  
Musfirah Mohamed Mokhtar<sup>1</sup>  
Abdul Halim Abdul Karim<sup>1</sup>  
Saad Al-Moghazy Abdel Moaty<sup>1</sup>  
Mohd Zawawi Zainal Abidin<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

\*Corresponding author: (E-mail: nurulathirah@unipsas.edu.my)

## Article history

Received date : 19-10-2024  
Revised date : 20-10-2024  
Accepted date : 25-12-2024  
Published date : 31-12-2024

## To cite this document:

Mohd Azmi, N. A., Mohamed Mokhtar, M., Abdul Karim, A. H., Abdel Moaty, S. A. M., & Zainal Abidin, M. Z. (2024). Paparan mengenai harta tidak patuh syariah di laman sesawang rasmi Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) Dapat meningkatkan kualiti Institusi Baitulmal di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (68), 247-255.

**Abstrak:** Harta tidak patuh syariah wajib disucikan dengan mengikut beberapa kaedah dan kaedah pertama adalah dengan menyerahkannya kepada Institusi Baitulmal. Hal ini berdasarkan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa ke-87, Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam pada 23-25 Jun 2009. Sehingga kini, Institusi Baitulmal bertanggungjawab ke atas harta yang tidak patuh syariah, namun terdapat beberapa buah negeri yang masih belum menitikberatkan hal ini terutama paparan di laman sesawang rasmi Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) daripada segi informasi dan kaedah penyucian/pembayaran serta penggunaan. Hal ini menyebabkan sukar untuk masyarakat mensucikan harta tidak patuh syariah tersebut dengan mudah. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis paparan laman sesawang rasmi kesemua MAIN di Malaysia. Kajian juga mencadangkan agar aplikasi penyucian harta tidak patuh syariah dapat dibangunkan oleh institusi baitulmal bagi meningkatkan kualiti dalam menguruskan institusi baitulmal di Malaysia. Kajian ini dijalankan melalui kaedah kualitatif dengan menggunakan kajian perpustakaan dan melayari internet. Kajian ini dapat membantu MAIN dalam meningkatkan kualiti institusi baitulmal berkenaan harta tidak patuh syariah bagi proses penyaluran dan pengagihan agar dapat dilaksanakan dengan cepat, sistematik dan efisen. Masyarakat dan organisasi juga boleh mensucikan harta tidak patuh

syariah dengan hanya membuat pembayaran secara dalam talian tanpa perlu menampilkan diri dan membuka aib diri.

**Kata Kunci:** *Harta Tidak Patuh Syariah, Institusi Baitulmal, Laman Sesawang, Majlis Agama Islam Negeri.*

**Abstract:** Non-Shariah-compliant assets must be purified following specific methods, with the first method being to hand them over to the Baitulmal Institution. This is based on the resolution of the 87th Muzakarah of the National Fatwa Committee for Islamic Affairs held on June 23-25, 2009. To date, the Baitulmal Institution is responsible for managing non-Shariah-compliant assets; however, there are several states that have yet to prioritize this matter, particularly in the context of their official State Islamic Religious Council (MAIN) websites. These websites often lack sufficient information on the methods of purification, payment processes, and utilization of such assets. This situation makes it challenging for the public to purify non-Shariah-compliant assets conveniently. Therefore, this study aims to analyze the official websites of all MAINs in Malaysia. The study also proposes the development of an application for purifying non-Shariah-compliant assets to improve the quality of Baitulmal institutions in managing these assets. The research employs qualitative methods through library research and internet browsing. The findings of this study can assist MAINs in enhancing the quality of Baitulmal institutions in the management, distribution, and allocation of non-Shariah-compliant assets, ensuring the processes are carried out efficiently and effectively. Furthermore, the public and organizations can purify their non-Shariah-compliant assets by making online payments without having to disclose their identities or risk exposing their personal shortcomings.

**Keywords:** *Non-Shariah-Compliant Assets, Baitulmal Institution, Website, State Islamic Religious Council (MAIN).*

## Pengenalan

Harta tidak patuh syariah ialah harta yang diperolehi dengan cara dan jalan kebatilan. Kebatilan yang dimaksudkan disini ialah apa sahaja jalan yang bertentangan dengan syarak. Hal ini berdasarkan firman Allah dalam surah An-Nisa' ayat 29 "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil (tidak benar), kecuali dalam perdagangan yang berlaku atas dasar suka sama suka di antara kamu". Kebatilan menurut syarak merujuk kepada segala perbuatan, amalan, atau pegangan yang bertentangan dengan ajaran Islam dan tidak diakui oleh syariah sebagai sah atau benar. Dalam konteks Islam, kebatilan sering kali dikaitkan dengan tindakan yang menyalahi hukum-hukum Allah SWT, sama ada dari segi aqidah, ibadah, muamalah, atau akhlak. Memahami konsep kebatilan ini penting bagi umat Islam untuk memastikan setiap perbuatan dan amalan mereka selaras dengan tuntutan syarak, demi mencapai keredhaan Allah SWT dan menghindari dosa serta kesesatan (al-Ghazali, 1993).

## Penyucian Harta Tidak Patuh Syariah

Penyucian harta tidak patuh syariah merujuk kepada proses membersihkan harta yang diperoleh melalui cara yang tidak mematuhi prinsip-prinsip syariah, seperti riba, penipuan, atau pelaburan dalam industri yang haram. Proses ini penting bagi memastikan bahawa harta yang dimiliki adalah bersih dan halal untuk digunakan, sejajar dengan tuntutan Islam. Antara cara penyucian harta adalah dengan menyalurkan sebahagian daripada harta tersebut kepada mereka yang

memerlukan atau kepada badan amal sebagai bentuk penebusan (Shahwan, 2017). Hal ini adalah langkah penting bagi setiap individu Muslim untuk memastikan kebersihan harta mereka demi mendapat keberkatan Allah SWT.

Terdapat beberapa keputusan berkenaan harta atau wang tidak patuh syariah antaranya ialah keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa ke-87, Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam pada 23-25 Jun 2009 iaitu “*Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa di dalam Islam harta-harta yang diperolehi dengan cara yang tidak mematuhi syariah seperti riba, gharar, perjudian, penipuan, rompakan, rampasan, rasuah dan seumpamanya adalah haram dan tidak boleh digunakan untuk manfaat dan kepentingan diri sendiri serta perlu dibersihkan melalui kaedah-kaedah berikut:*

- i. *Diserahkan kepada baitulmal untuk maslahah umum umat Islam seperti membayai pembinaan atau penyelenggaraan jambatan, jalan, tandas dan seumpamanya.*
- ii. *Diserahkan kepada golongan fakir miskin; atau*
- iii. *Jika harta tersebut merupakan harta rompak, curi dan seumpamanya, maka harta tersebut perlu diserahkan semula kepada pemiliknya. Jika pemiliknya telah meninggal dunia atau tidak dapat dijumpai, maka harta tersebut mestilah dikembalikan kepada ahli warisnya. Sekiranya tidak dapat diketahui pemilik atau ahli waris pemilik, maka harta tersebut hendaklah diserahkan kepada baitulmal”.*

### Peranan Institusi Baitulmal

Institusi baitulmal merupakan institusi yang bernaung di bawah Enakmen Majlis Agama Islam Negeri-Negeri di Malaysia. Institusi ini memainkan peranan penting dalam menguruskan hal ehwal kewangan umat Islam di negeri tersebut. Baitulmal bertanggungjawab mengumpul, mengurus, dan mengagihkan harta seperti zakat, wakaf, dan derma kepada golongan yang berhak menerimanya. Ia juga memainkan peranan dalam pembangunan ekonomi umat Islam dengan menyediakan bantuan kewangan dan sokongan untuk projek-projek yang memberi manfaat kepada komuniti. Dengan adanya Enakmen Majlis Agama Islam Negeri, Baitulmal dapat beroperasi dengan lebih teratur dan efisien agar dapat memastikan pengurusan harta umat Islam selaras dengan prinsip-prinsip syariah (Hassan, 2010).

Walau bagaimanapun, terdapat sesetengah negeri yang masih tidak mempunyai garis panduan yang lengkap dan menyeluruh (Azmi, N. A. M. et al., 2023) berkenaan harta tidak patuh syariah. Sedangkan semua maklum perkara ini adalah dalam bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri dalam menguruskan harta tidak patuh syariah berdasarkan maslahah ammah. Selain itu, terdapat juga negeri-negeri yang yang masih belum menitikberatkan mengenai harta tidak patuh syariah di laman sesawang rasmi Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) daripada segi informasi dan kaedah penyucian/pembayaran. Setakat ini hanya beberapa negeri sahaja yang telah mula bergerak aktif memaparkan berkenaan harta tidak patuh Syariah antaranya ialah di laman web Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Majlis Agama Islam Selangor, Majlis Agama Islam Kedah, Majlis Agama Islam Johor dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Namun terdapat juga dalam kalangan negeri-negeri ini masih belum mempunyai paparan mengenai kaedah pembayaran di laman sesawang masing-masing. Oleh itu, kajian ini ingin menganalisis laman sesawang rasmi kesemua MAIN di Malaysia dan mencadangkan satu aplikasi penyucian harta tidak patuh syariah untuk institusi baitulmal dalam meningkatkan kualiti pengurusan institusi baitulmal sekaligus dapat membantu masyarakat dan organisasi dalam menyucikan harta tidak patuh syariah dengan membuat pembayaran secara dalam talian tanpa perlu menampilkan diri dan membuka aib diri.

## Metodologi

Kajian menggunakan kaedah kualitatif dalam mengumpulkan data iaitu melalui penyelidikan perpustakaan dan melayari internet dengan mengkaji kesemua laman sesawang rasmi Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia. Perkara yang dikaji di laman sesawang adalah sama ada laman sesawang rasmi MAIN ada memaparkan berkenaan harta tidak patuh Syariah atau tidak. Hal ini termasuk juga paparan mengenai kaedah pembayaran yang boleh dilakukan oleh masyarakat atau organisasi.

## Hasil Dapatkan

Laman sesawang rasmi Majlis Agama Islam Negeri memainkan peranan penting sebagai medium komunikasi yang efektif antara pihak majlis dan masyarakat. Laman ini menyediakan platform untuk menyampaikan maklumat berkaitan hal ehwal Islam, termasuk isu-isu semasa, perkhidmatan, serta panduan kepada umat Islam. Antara salah satu perkara utama yang perlu diketengahkan ialah informasi mengenai harta tidak patuh syariah, iaitu aset atau pendapatan yang diperoleh daripada sumber atau kaedah yang bertentangan dengan prinsip Syariah.

Penyediaan informasi ini melalui laman sesawang penting kerana ia membantu masyarakat memahami konsep harta tidak patuh syariah, hukum mengenainya, cara pengurusannya, serta proses penyucian dan pelupusan yang perlu dilakukan untuk membersihkan harta tersebut mengikut hukum Islam. Selain itu, ia memastikan ketelusan pihak majlis dalam melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai pengurus dan pemelihara kepentingan agama dan masyarakat. Dengan adanya laman sesawang yang mesra pengguna dan sentiasa dikemas kini, masyarakat lebih mudah mengakses maklumat ini tanpa mengira tempat dan waktu terutama di zaman moden kini.

Sebagai medium komunikasi rasmi, laman ini turut meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap Majlis Agama Islam Negeri kerana ia menunjukkan komitmen dalam mendidik dan memberi panduan kepada umat Islam (Abdullah et. al, 2018). Dengan itu, peranan laman sesawang ini sebagai jambatan maklumat bukan sahaja memudahkan penyebaran maklumat, tetapi juga mengukuhkan hubungan antara pihak majlis dan masyarakat.

Kajian mendapati bahawa terdapat beberapa buah negeri yang komited dalam memaparkan berkenaan harta tidak patuh di laman sesawang rasmi Majlis Agama Islam Negeri. Jadual 1 di bawah merupakan negeri-negeri yang mempunyai laman sesawang rasmi Majlis Agama Islam Negeri yang memaparkan informasi dan kaedah pembayaran harta tidak patuh syariah. Kajian juga melampirkan sekali *link* untuk rujukan dan panduan pembaca.

**Jadual 1: Laman Sesawang Rasmi Majlis Agama Islam Negeri-Negeri Di Malaysia Yang Memaparkan Maklumat Berkenaan Harta Tidak Patuh Syariah**

Bil.	Negeri	Status (Ada/Tiada)	Link
1.	Johor  (Majlis Agama Islam Johor)	<b>ADA</b>  <b>Memaparkan berkenaan definisi, hukum dan jenis harta tidak patuh syariah sahaja. Namun, tidak memaparkan kaedah penyucian.</b>	<a href="https://www.maij.gov.my/?page_id=1496">https://www.maij.gov.my/?page_id=1496</a>

2.	Pahang  (Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang)	TIADA	<a href="https://v5.muip.gov.my/?s=harta+tidak+patuh+s_yariah">https://v5.muip.gov.my/ ?s=harta+tidak+patuh+s_yariah</a>
3.	Negeri Sembilan  (Majlis Agama Islam Negeri Sembilan)	ADA	<a href="https://www.mains.gov.my/v2/wakaf/perkhidmatan-mal/perkhidmatan-dalam-mal/wang-tidak-patuh-syariah">https://www.mains.gov.my/v2/wakaf/perkhidmatan-mal/perkhidmatan-dalam-mal/wang-tidak-patuh-syariah</a>  <a href="https://www.zakatns2u.biz/wangxsyariah/">https://www.zakatns2u.biz/wangxsyariah/</a>  <a href="https://www.mains.gov.my/v2/images/borang/borangtidaksyariah.pdf">https://www.mains.gov.my/v2/images/borang/borangtidaksyariah.pdf</a>  Memaparkan secara terperinci termasuk kaedah pembayaran secara manual atau pembayaran secara atas talian.
4.	Melaka  (Majlis Agama Islam Melaka)	TIADA	<a href="https://maim.gov.my/index.php/ms/cari?q=harta+tidak+patuh+syariah&amp;Search=%20">https://maim.gov.my/index.php/ms/cari?q=harta+tidak+patuh+syariah&amp;Search=%20</a>
5.	Selangor  (Majlis Agama Islam Selangor)	ADA	<a href="https://mais.gov.my/wang-tak-patuh-syariah/">https://mais.gov.my/wang-tak-patuh-syariah/</a>
6.	Perak  ( <i>Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak Darul Ridzuan</i> )	TIADA	<a href="https://www.maiamp.gov.my/index.php/carian.html?searchword=harta%20tidak%20patuh%20syariah&amp;ordering=newest&amp;searchphrase=all&amp;limit=100">https://www.maiamp.gov.my/index.php/carian.html?searchword=harta%20tidak%20patuh%20syariah&amp;ordering=newest&amp;searchphrase=all&amp;limit=100</a>
7.	Kedah  (Majlis Agama Islam Kedah)	ADA	<a href="https://maik.kedah.gov.my/">https://maik.kedah.gov.my/</a>  <a href="https://toyyibpay.com/WangHartaTidakPatuh_Syariah">https://toyyibpay.com/WangHartaTidakPatuh_Syariah</a>
8.	Pulau Pinang	TIADA	<a href="https://mail.newstudent.mainpp.gov.my/">https://mail.newstudent.mainpp.gov.my/</a>

	(Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang)		
9.	Terengganu  (Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu)	TIADA	<a href="https://www.maidam.gov.my/index.php/perkhidmatan-kami/wakaf-dan-sumber-am/sumber-am33">https://www.maidam.gov.my/index.php/perkhidmatan-kami/wakaf-dan-sumber-am/sumber-am33</a>
10.	Kelantan  (Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan)	TIADA	<a href="https://www.e-maik.my/v2/index.php/component/finder/search?q=harta+tidak+patuh+syariah&amp;Itemid=277">https://www.e-maik.my/v2/index.php/component/finder/search?q=harta+tidak+patuh+syariah&amp;Itemid=277</a>
11.	Perlis  (Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis)	TIADA	<a href="https://www.maips.gov.my/index.php?searchword=harta%20tidak%20patuh%20syariah&amp;searchphrase=all&amp;Itemid=255&amp;option=com_search&amp;lang=img">https://www.maips.gov.my/index.php?searchword=harta%20tidak%20patuh%20syariah&amp;searchphrase=all&amp;Itemid=255&amp;option=com_search&amp;lang=img</a>
12.	Sabah  (Majlis Ugama Islam Sabah)	TIADA	<a href="https://muis.sabah.gov.my/">https://muis.sabah.gov.my/</a>
13.	Sarawak  (Majlis Islam Serawak)	TIADA	<a href="https://mis.sarawak.gov.my/web/subpage/search_result_gs/">https://mis.sarawak.gov.my/web/subpage/search_result_gs/</a>
14.	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/ Wilayah Persekutuan Putrajaya  (Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan)	ADA	<a href="https://www.maiwp.gov.my/portal-main/article2?id=wangtak-patuh-syariah">https://www.maiwp.gov.my/portal-main/article2?id=wangtak-patuh-syariah</a>  <a href="https://www.maiwp.gov.my/portal-main/perkhidmatan">https://www.maiwp.gov.my/portal-main/perkhidmatan</a>

(Sumber: Analisis Laman Sesawang MAIN)


Berdasarkan dapatan daripada laman sesawang semua MAIN di Malaysia, kajian mendapati bahawa hanya beberapa buah negeri sahaja yang memaparkan serta menekankan berkenaan harta tidak patuh Syariah. Antara negeri yang komited tersebut ialah Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan, Negeri Kedah, Negeri Johor dan Negeri Sembilan. Namun begitu hanya Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan dan Negeri Kedah yang meletakkan kaedah pembayaran harta tersebut dengan lebih terperinci.

Oleh disebabkan itu, kajian mencadangkan agar semua MAIN bagi negeri-negeri yang lain dapat mencontohi dan menjadikan negeri-negeri ini sebagai panduan dalam meningkatkan kualiti institusi baitulmal dari segi paparan informasi di laman sesawang rasmi berkenaan harta

tidak patuh syariah. Selain itu, kajian juga mencadangkan satu aplikasi baharu dibangun serta digunakan oleh semua MAIN bagi menguruskan harta tidak patuh syariah secara lebih efisen. Aplikasi penyucian yang dicadangkan ini adalah bertujuan untuk memudahkan bayaran penyucian harta tidak patuh syariah oleh pengguna dengan hanya memilih jenis-jenis harta yang ingin disucikan berserta jumlah tersebut.

Selain daripada itu, maklumat yang diperoleh daripada aplikasi penyucian ini boleh digunakan sebagai bukti pembayaran, penyelidikan dan penjejakan maklumat apabila diperlukan. Tambahan lagi, aplikasi penyucian ini juga dapat membantu memudahkan urusan audit kewangan institusi baitulmal MAIN. Aplikasi penyucian ini juga dapat membantu umat Islam menjaga salah satu daripada Maqasid Syariah iaitu menjaga harta (*hifz al-mal*) agar ia sentiasa hidup dalam barakah dengan menggunakan harta yang halal lagi suci. Masyarakat dan organisasi juga boleh mensucikan harta tidak patuh syariah dengan hanya membuat pembayaran secara dalam talian tanpa perlu menampilkan diri dan membuka aib diri.

Rajah di bawah merupakan contoh ilustrasi informasi yang boleh dimasukkan ke dalam aplikasi penyucian yang dicadangkan untuk pihak MAIN berkenaan kutipan dana sama ada harta tidak patuh syariah, zakat, wakaf dan lain-lain seiring dengan kemajuan teknologi kini. Ilustrasi brosur ini dicadangkan oleh pengkaji kepada Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) untuk dilaksanakan disebabkan geran kajian yang dijalankan adalah merupakan sumbangan daripada pihak MUIP bagi mengkaji berkenaan harta tidak patuh syariah ini.



**Rajah 1: Cadangan Ilustrasi Brosur untuk dimasukkan ke dalam Aplikasi Penyucian Harta Tidak Patuh Syariah**



**Rajah 2: Cadangan Illustrasi Brosur untuk dimasukkan ke dalam Aplikasi Penyucian Harta Tidak Patuh Syariah**

### Kesimpulan

Kesimpulannya, penyediaan informasi berkaitan **harta tidak patuh syariah** di laman sesawang rasmi Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) memainkan peranan besar dalam meningkatkan kualiti institusi Baitulmal di Malaysia. Melalui inisiatif ini, MAIN bagi negeri-negeri seperti Selangor, Kedah, Negeri Sembilan, Johor dan Wilayah Pesekutuan boleh dijadikan contoh terbaik dalam pengurusan yang telus, sistematik dan efisen. Cadangan ini bukan sahaja dapat memperkuuh kredibiliti baitulmal, malah dapat meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap peranan institusi ini dalam menjaga kepentingan umat Islam. Melalui penglibatan teknologi dan medium laman sesawang rasmi, MAIN di negeri-negeri ini berjaya mendekatkan masyarakat dengan perkhidmatan baitulmal, sekali gus merealisasikan fungsi utama baitulmal sebagai pemacu ekonomi dan kebajikan Islam berdasarkan *maslahah ammah* yang berlandaskan prinsip Syariah tanpa perlu masyarakat dan organisasi menampilkkan diri dan membuka aib diri.

## Rujukan

- (JAWHAR), Jabatan Wakaf, Z. dan H. (2015). *Manual Pengurusan Harta Syubhah* (2nd ed.). Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, JPM. <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/3>
- Abdullah, M. N., & Hassan, R. (2018). Peranan Teknologi Maklumat dalam Penyebaran Maklumat Agama. *Jurnal Dakwah dan Teknologi*.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (1993). *Ihya Ulum al-Din*. Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Azmi, N. A. M., Mokhtar, M. M., Karim, A. H. A., Moaty, S. A. M. A., & Abidin, M. Z. Z. (2023). Aplikasi Kaedah Tasarruf Al-Imam ‘Ala Al-Ra’iyyah Manutun Bi Al-Maslahah Dengan Pengurusan Institusi Baitulmal Dalam Menguruskan Harta Tidak Patuh Syariah. *Journal of Islamic*, 8(59), 361-371.
- Hassan, A. (2010). Pengurusan Zakat dan Wakaf di Malaysia: Perspektif Undang-Undang dan Amalan. Universiti Kebangsaan Malaysia Press.  
<https://ebaitulmal.maiwp.gov.my/web/>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). ([www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)), diakses pada November 2024.
- Rujuk Fatwa Islamqa: <https://islamqa.info/ar/answers/181> التعامل مع البنوك الربوية
- Rujuk Fatwa Islamweb: <https://www.islamweb.net/ar/fatwa/385828> التعامل مع البنوك الربوية في المعامالت المباحة وتطبيق قاعدة: إن الحرام لا يحرم الحال
- Rujuk Fatwa Jakim: <http://e-muamalat.islam.gov.my/en/artikel/bahan-ilmiah/kertas-persidangan/215-operasi-perdagangan-pertukaran-matawang-asing-oleh-individu-secara-lani-individual-spot-forex-melalui-platform-elektronik-satu-sorotan-dari-sudut-syariah>
- Rujuk Fatwa Jordan: <https://aliftaa.jo/Question.aspx?QuestionId=3551#>
- Rujuk Fatwa Kebangsaan: <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/12273>
- Rujuk Fatwa Perak: <http://mufti.perak.gov.my/artikel-minda-mufti/127-minda-mufti/670-hukum-cara-membelanjakan-wang-faedah-bank>
- Rujuk Fatwa Perlis: <https://muftiperlis.gov.my/index.php/himpunan-fatwa-negeri/119-hukum-forex-trading-online>
- Rujuk Fatwa Wilayah: <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/4205-al-kafi-1617-status-barangan-yang-dibeli-dengan-pinjaman-bank>
- Shahwan, S. (2017). Prinsip dan Amalan Pengurusan Kewangan Islam. Dewan Bahasa dan Pustaka.